

PENDEKATAN DAKWAH BIL HIKMAH TERHADAP SAUDARA BARU DI FILIPINA

Nur Hikmah binti Mubarak Ali

Pusat Pengajian dan Perkhidmatan Kaunseling dan Psikologi
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)
Kuala Ketil, Kedah
(hikmah211@yahoo.com)

&

Nadiyah Elias, PhD

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar Dan Kerja Sosial,
Kolej Sastera Dan Sains,
Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah

Abstrak

Saudara baru atau dikenali dengan muallaf adalah golongan yang unik dari sudut latar belakang. Mereka berasal dari latar belakang etnik yang berbeza, agama yang berbeza sebelum memeluk Islam dan budaya dan amalan kehidupan yang berbeza. Artikel ini mendokumentasikan satu projek kerja amal yang menggunakan pendekatan dakwah bil hikmah terhadap saudara baru di Marawy City, Filipina yang merupakan sebuah kepulauan kecil yang mempunyai majoriti saudara baru. Dalam artikel ini juga menerangkan latar belakang dan prosedur analisis proses dan kesan perjalanan dakwah tersebut. Kertas kerja adalah berbentuk kualitatif dan menggunakan kaedah temubual berstruktur kepada beberapa saudara baru yang berada di Filipina. Keberkesanan dakwah yang dilakukan mendatangkan hasil walaupun golongan tersebut datang dari latar belakang yang berbeza namun keperluan kepada pendidikan asas Islam tetap sama di kalangan mereka.

Kata Kunci: Pendekatan dakwah, Bil Hikmah, Saudara Baru.

PENGENALAN

Pendekatan Dakwah Bil Hikmah

Dakwah perlu menjadi keutamaan kepada umat Islam khususnya kepada para pendakwah. Memandangkan ia merupakan usaha untuk menyebarkan Islam kepada seluruh umat manusia di dunia ini. Umat Islam sepatutnya menjadi contoh tauladan dalam menerokai kehidupan di atas dunia yang penuh cabaran ini. (Fariza Md Sham, Siti Rugayah Tibek & Othman Talib, 2006). Dakwah Islam perlu disampaikan kepada seluruh dunia dengan cara yang terbaik. Penyampaian dakwah kepada masyarakat yang pelbagai mestilah dengan cara berhikmah supaya apa yang disampaikan dapat difahami dan dapat dilaksanakan dalam kehidupan (Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Johaibi Bin Johan, Abu Dardaa Mohamad & Anuar Puteh, 2014). Pelaksanaan dakwah kepada mereka yang dah lama mengenali Islam ada caranya, begitu juga dengan masyarakat yang baru mengenali Islam dalam kehidupan mereka ada caranya. Firman Allah yang bermaksud:

“Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pengajaran yang baik, dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui siapa yang sesat dari jalanNya dan Dia lah jua yang lebih mengetahui siapa yang mendapat petunjuk” Surah an-Nahl :125

Makna ayat di atas menyatakan bahawa hikmah bermakna ucapan-ucapan yang benar dan munasabah yang mengandungi hujah-hujah yang kukuh, bernas dan meyakinkan. Sayyid Qutub menerangkan bahawa untuk melakukan dakwah dengan menggunakan metode hikmah, diperlukan pemerhatian kepada tiga perkara utama iaitu persekitaran sosial dan taraf kemasyarakatan orang atau masyarakat yang menjadi sasaran dakwah (mad'u), standard bahan dan material dakwah yang akan disampaikan kepada sasaran dakwah, agar bersesuaian dengan tahap kefahaman dan intelektual mereka, dan pendekatan yang sesuai dan munasabah, dengan menggunakan pelbagai cara dan metode yang dapat membangkitkan semangat mereka, sehingga isi dakwah yang dikemukakan dapat diterima dengan hati dan fikiran yang terbuka.

Dakwah yang dilakukan di Filipina ini adalah sempena ziarah kerana adanya individu “penghubung” iaitu Dr Daisy Jane yang merupakan warganegara Filipina yang kini berkhidmat sebagai Pensyarah di Universiti Utara Malaysia bersama dengan ahli pasukan UUM yang dibiayai oleh UUM dan merupakan pemberi maklumat utama kepada pasukan pengkaji yang terlibat. Dari segi istilah ia juga dikenali penghubung. Contohnya, Abu Zar menjadi penghubung tersebut pada zaman Nabi Muhammad SAW.

Bermula dengan konsep membantu iaitu ta'awun dengan memberi barang untuk memulakan perniagaan sendiri (pemula sara diri) seperti peti ais, oven kecil, mesin jahit, komputer terpakai dan elektrik dill untuk tukang. Malah, pengkaji juga mendengar luahan mereka. Empati dari pendakwah yang juga merupakan kaunselor dan pensyarah Di Universiti Utara Malaysia.

Saudara Baru

Saudara baru atau lebih dikenali sebagai muallaf merupakan sebahagian masyarakat muslim yang perlu diberikan perhatian dalam memahamkan mereka tentang agama Islam. Mereka yang bertukar pegangan agama dan kepercayaan kepada agama Islam ditaklifkan

kepada mereka hukum syarak. Namun begitu, panggilan yang mesra terhadap orang yang baru memeluk agama Islam adalah saudara kita. (Ab. Azizi Mohd Zin, 2004).

Maksud kepada saudara baru yang disepakati oleh para ulama' ialah orang yang baru masuk Islam. Al-Imam Az-Zuhri pernah ditanya tentang siapakah yang dimaksudkan dengan muallaf. Beliau menjawab bahwa muallaf adalah orang-orang yahudi atau nasrani yang masuk Islam. Ketika ditanya lagi, apakah yang kaya juga termasuk? Beliau pun mengiyakan. Al-Hasan Al-Bashri ketika ditanyakan tentang siapakah yang dimaksudkan dengan muallaf, beliau menjawab bahwa muallaf adalah orang-orang yang baru saja masuk Islam. (Roslieza Rosli & Nur Athiroh Masyaa'il Tan Abdullah, 2016).

Realiti kebanyakan muallaf kini sentiasa mendapat tentangan hebat daripada ahli keluarga. Cabaran ini bukan sahaja melibatkan golongan muallaf di Filipina malah pelbagai kisah dan cabaran keislaman mereka dalam mempertahankan akidah Islam telah berlaku sejak 1,400 tahun dahulu. Contohnya, kisah pengislaman Saad ibn Abi Waqas yang mendapat tentangan hebat daripada ibunya. Tatkala berita Saad memeluk Islam diketahui ibunya, dia didesak untuk murtad. Bahkan pernah ibu Saad tidak makan beberapa hari agar Saad kembali ke asalnya. Saad sebaliknya enggan tunduk kepada ugutan ibunya dengan berkata, dia tidak akan meninggalkan Islam sekalipun ibu kesayangannya mati beberapa kali. Hal ini mendorong ibunya untuk mengalah dan akhirnya terpaksa makan. (Mohd Syauqi Arshad, 2018)

Oleh itu, realiti kehidupan yang berlaku kepada muallaf pada hari ini tidak banyak bezanya dengan zaman dahulu. Kebanyakan mereka akan dipandang hina dan dibenci oleh ahli keluarga berikutan meninggalkan agama asalnya. Jauh sekali bagi golongan ini untuk bermimpi disambut dengan senyuman mesra dan pelukan gembira daripada ahli keluarga tatkala mengetahui tentang keislaman mereka. Golongan ini bukan sahaja perlu mempunyai hati dan jiwa yang kental malahan masyarakat serta pihak berkuasa juga memainkan peranan untuk memberi sokongan dan bantuan kepada golongan istimewa ini.

Di Filipina, muallaf adalah minoriti dan mereka ditindas oleh majoriti Filipina iaitu orang Kristian. Saudara baru di Filipina merupakan mereka yang menukarkan agama dari Kristian kepada Islam sangat memerlukan komuniti yang menyokong untuk mereka mempertahankan dan mengembangkan kepercayaan dan amalan Islam. Majoriti dari mereka berasal dari bahagian-bahagian lain di Filipina, tetapi disebabkan pergantungan agama, mereka telah memilih untuk hidup dalam sebuah masyarakat kelahiran Islam, iaitu kaum Maranau yang tinggal di Marawi City, Lanao Del Sur.

Penulis mengkaji ketahanan dan identiti sosial saudara baru di Filipina. Dalam kajian ini, "identiti sosial" merujuk secara khusus mengenai bagaimana responden melihat identiti sosial mereka yang tinggal di dalam komuniti Maranau yang sememangnya adalah minoriti. Maka, di Filipina sebagai minoriti dalam minoriti. Mereka mempunyai masalah identiti sosial dan penerimaan ketika mereka cuba mengasimilasikan diri kepada kumpulan tersebut .

ULASAN KARYA

Pendekatan Dakwah Rasulullah S.A.W

Pendekatan-pendekatan dakwah yang pernah ditelusuri oleh junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. dalam aktiviti kehidupannya yang diberi istilah “sirah nabawiyah” yang bermaksud sejarah hidup Rasulullah s.a.w. Diharapkan dengan mengkaji pendekatan tersebut ia dapat menambahkan konsepsi dakwah kepada saudara baru bagi tujuan mengkayakan uslub kita sebagai pendakwah dalam menjalankan tugas mulia tersebut.

Perubahan kemasyarakatan dan kemajuan penemuan manusia hari ini justeru lebih memberi peluang kepada cerminan masa lalu, bagi mendapatkan konsep yang ideal dan munasabah. Apatah lagi konsep dakwah hari ini dirasa amat miskin dalam mempelbagaikan cara dan pendekatan, walaupun perkembangan kemudahan hidup dan infrastruktur cukup maju. Oleh itu, cabaran ummah dalam menghadapi era globalisasi kini dan akan datang adalah kemampuan mereka mempelbagaikan pendekatan dan cara berdakwah, sehingga istilah dakwah itu sendiri dirasa oleh masyarakat antarabangsa sebagai satu keperluan dan kepastian hidup, sepertimana kebergantungan global kepada sains dan teknologi hari ini .

METODOLOGI

Penyelidikan menggunakan pendekatan kualitatif dengan wawancara mendalam, pemerhatian semulajadi, perbincangan kumpulan fokus, serta temubual berstruktur. Para peserta adalah mereka yang memeluk Islam, tanpa mengira jantina, status sivil, dan berumur antara 21-50 tahun, yang telah menetap di Kota Islam Marawi selama satu tahun atau lebih .

Temubual dijalankan dengan menggunakan bahasa Inggeris dan mengikut kefahaman dan keselesaan responden. Temubual dilakukan bagi memahami dengan lebih mendalam pengalaman yang dilalui oleh responden. Temubual dijalankan secara berasingan bagi setiap individu untuk memastikan isu kerahsiaan terjamin. Menurut Seidman (2006) temu bual dilakukan dalam menjalankan sesuatu kajian bukan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian atau membuat penilaian tetapi bagi memahami dengan mendalam pengalaman dalam kehidupan atau sesuatu peristiwa yang dilalui

Kajian ini dijalankan di Bandar Merawi, sebuah bandaraya Islam di selatan Filipina. Bandaraya ini dianggap sebagai syurga oleh golongan yang baru memeluk Islam. Kebanyakan saudara baru ini sanggup untuk berhijrah ke bandaraya ini kerana ia sebuah bandaraya yang didiami oleh masyarakat Islam dan mereka dapat menjalankan amalan agama dengan bebas .

Selain dari itu, pemahaman melalui komunikasi secara verbal, perasaan responden juga perlu difahami melalui komunikasi secara non-verbal yang ditunjukkan seperti reaksi muka, cara pertuturan, gerak badan, air muka, kontak mata serta nada suara responden. Bagi tujuan pengumpulan data, pengkaji menggunakan alat perakam suara bagi merakam sesi perbualan antara pengkaji dan responden. Kebenaran daripada responden diminta terlebih dahulu untuk merakam data bagi menyokong catatan nota bertulis.

DAPATAN KAJIAN

Cabaran dan Ujian

Berdasarkan kajian dan penyelidikan terhadap kehidupan saudara baharu di Filipina, perkara utama melibatkan adat dan budaya menjadi cabaran kepada mereka untuk mengaplikasikan berikutan ia sudah sebatikan dan berakar umbi dalam diri. Mereka juga berhadapan dengan ujian atau kesengsaraan yang menyebabkan tekanan kepada psikologi dan emosi. Oleh itu, sokongan amat diperlukan supaya mereka dapat menjalani kehidupan sebagai Muslim dalam keadaan selesa.

Namun, jarang saya temui kumpulan saudara baharu yang berada dalam keadaan selesa daripada pada mula mereka menukar agama. Biasanya mereka tidak akan dilayan baik oleh keluarga dan sanak-saudara mereka.

Secara umum mereka menganggap menukar agama kepada agama Islam adalah perbuatan yang amat dibenci dan dianggap satu bentuk pengkhianatan dan penghinaan kepada keturunan kerana dianggap memutuskan tali kekeluargaan.

Lantaran itu ada dalam kalangan mereka yang disingkirkan oleh keluarga dan masyarakat. Walaupun ada yang terus tinggal bersama keluarga, namun mereka seolah-olah disisihkan dari segala aspek. Mereka berasa dianak tirikan dan dibuang oleh majoriti Kristian di Filipina.

Mereka juga mendapat tekanan daripada majikan lantaran mengetahui keislaman mereka sehingga dipecat atau akan berhenti sendiri kerana tidak mampu berhadapan dengan tekanan tersebut. Dr Daisy sendiri diberhentikan 24 jam setelah masuk Islam. Sebelum diberhentikan beliau merupakan kaunselor di sekolah Kristian. Bayangkan jika di Malaysia, jika kaunselor muslim tukar jadi kaunselor Kristian.

Saudara baharu juga akan kehilangan hak untuk mendapatkan harta pusaka sejourus mereka memeluk agama Islam. Mereka tidak berhak mewarisi harta pusaka selepas memeluk Islam. Keadaan ini kadang-kadang boleh menjadi serius sehingga menyebabkan mereka kembali kepada agama asal untuk mendapatkan hak pewarisan tersebut.

Perasaan Gembira

Mereka merasa diraikan oleh pihak pendakwah. Malah, pendakwah atau penulis mempunyai perasaan seronok juga diraikan, rasa berguna dan dihargai. Buktinya mereka menunjukkan riak muka yang positif dan gembira. Dalam perbincangan refleksi antara pengkaji dan responden yang terlibat, responden merasa seperti penulis atau pengkaji menjaga mereka seperti anak yatim dan mengangkat mereka seperti keluarga mereka dengan konsep bantu membantu.

Ukhwah

Ketika perang berlaku, kumpulan pengkaji berjaya membantu tiga buah keluarga. Responden merasakan ada tempat untuk mereka mengadu.

Salah satu dari keluarga mereka telah menghantar anak mereka ke Malaysia untuk menyambungkan pengajian mereka. Yuran pelajar Filipina tersebut juga dibiayai oleh pihak yang menyumbang dari Malaysia.

Projek telekung untuk muallaf di Filipina telah diaturkan oleh pihak kumpulan pengkaji di Malaysia. Pada asalnya, muallaf tersebut terpaksa bergilir untuk solat pada hari raya kerana tiadanya telekung dan menjadi alasan juga untuk tidak solat. Jadi ahli pasukan pengkaji telah mengambil langkah untuk mengajar mereka bagaimana kaedah solat tanpa menggunakan telekung. Namun begitu, pihak pengkaji tetap berjanji untuk menyumbangkan telekung sempena hari raya. Hasil pengalaman pembelajaran mereka tidak lagi perlu untuk bergilir-gilir solat menunggu telekung.

Pada hari raya beberapa unit telekung dan belanja iftar RM30 x 1 keluarga diberikan. RM30 adalah 1 jamuan yang sangat besar dan mewah buat mereka dan perkara ini tidak akan berlaku jika ahli pengkaji tidak pergi menziarah. Oleh itu, ziarah ini menjadi asbab kepada terjalannya sebuah ukhwah antara dua negara. Kumpulan pendakwah mendapat hasil kutipan dana bantuan ini dari kawan-kawan. Jika dilihat semula, nilai RM30 bukanlah untuk makan besar tetapi sebagai penghargaan kepada saudara kita yang baru sebagai tanda mereka dihargai. Ada penghubung seperti Dr Daisy Jane yang menyebabkan saluran terbuka untuk melakukan projek bantuan ini sekaligus berdakwah untuk agama Islam.

PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

Nilai hadiah yang diberi tidak sama dengan golongan pendakwah. Tanpa ada usaha untuk mendekati dengan Allah maka dakwah tersebut sia-sia sahaja. Apabila melakukan dakwah, usaha yang dilakukan akan berkesan apabila ada objektif seperti taaruf, taawun (ukhwah/sahabat) dan kaedah bagaimana mendekati diri kepada Allah. Mendekatkan diri dengan Allah adalah membuka jalan kepada mereka seperti membuka majlis dengan bismillah, dan jika tiada telekung maka ajar solat tanpa menggunakan telekung dan sebagainya.

Dakwah seperti ini boleh dibandingkan dengan isu gelandangan. Pihak yang membantu golongan gelandangan juga perlulah mempunyai aktiviti dan program tersendiri, bukan hanya sekadar memberi makanan sahaja namun perlu ada taaruf juga. Contohnya menyediakan rumah untuk mengaji iaitu kelas al Quran kepada gelandangan dan bantu apa yang diperlukan oleh mereka. Contoh lain yang boleh dilakukan oleh penderma pula adalah seperti memberi duit dan bukannya memberi beras yang banyak kepada mereka sehingga mereka sendiri sudah lali melihat beras yang terlampau banyak. Boleh juga beri belon kepada anak yatim .

KESIMPULAN

Dalam konteks berdakwah kepada saudara baru adalah menjadi kepastian bagi para pendakwah sekrarang supaya tidak melepaskan tali perhubungan dengan cahaya nubuwah bagi mempelbagaikan konsep dalam menangani dakwah hari ini. Tidak dapat dinafikan kaedah yang digunakan oleh pengkaji ini merupakan satu pakej pendekatan dakwah yang sangat menarik dan sesuai digunapakai oleh para pendakwah masa kini.

RUJUKAN

- Ab. Azizi Mohd Zin. (2004). *Metodologi Dakwah*. Penerbit Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Fariza Md Sham, Siti Rugayah Hj. Tibek & Othman Hj. Talib. (2006). *Dakwah dan Kaunseling Di Malaysia*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi Selangor.
- Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Johaibi Johan, Abu Dardaa Mohamad & Anuar Puteh. (2014). *Dakwah Saudara Baru Orang Asli Dari Perspektif Maqasid Al-Syariah*. Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014. Dakwah & Etnik: Perspektif Multi-Disiplin. Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM, Bangi, Selangor.
- Mohd Syauqi Arshad. (2018). *Sejarah Pembukaan dan Sahabat-Sahabat Rasulullah SAW Di Mesir*. Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'azdam Shah, KUIN Sdn. Bhd: Jitra.
- Roslieza Rosli & Nur Athiroh Masyaa'il Tan Abdullah. (2016). *Peranan Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA) Kelantan Terhadap Pembangunan Modal Insan Muallaf: Tinjauan Awal*. Kertas kerja yang dibentang di Seminar Mahasiswa Internasional Serentak Lima Fakulti. Tema Jejak Warisan Ilmu Islam (JEWARIS 2016). 11 April 2016. Fakulti Syariah dan Hukum. Universiti Islam Negeri Aceh Ar-Raniry (UINA)
- Seidman, I. E. (2006). *Interviewing as qualitative research: A guide for researchers in educational and the social sciences*. New York: Teachers College Press.